

2,000 muram sambut Aidiladha

» Lima kampung di Bayan Lepas terjejas dilanda banjir kilat

Oleh Siti Sofia Md Nasir dan
Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

■ Balik Pulau

Kira-kira 2,000 penduduk dari lima kampung di sekitar Bayan Lepas, di sini, terpaksa menyambut Aidiladha hari ini secara sederhana selepas rumah mereka terjejas teruk akibat banjir, semalam.

Penduduk, Azli Bahari, 43, berkata banjir itu dikatakan berpunca daripada projek perumahan di lereng bukit berhampiran perkampungan mereka.

Projek perumahan dipercayai jadi punca

"Kebanyakan sistem perparitan kampung ini terganggu, sejak projek berkenaan dibangunkan. Warna air banjir juga sudah bertukar menjadi merah.



Sekumpulan kanak-kanak meredah banjir kilat di Kampung Suluk, Teluk Kumbar manakala, seorang penduduk kampung itu, **Riza Nazira Aboo Bakar, (gambar kanan) menganyam ketupat walaupun rumah ibu bapanya dilanda banjir kilat.**
(FOTO DANIAL SAAD/BH)

"Tiada yang istimewa bagi sambutan Aidiladha tahun ini kerana kami perlu cuci rumah. Bagaimanapun, kami akan cari peluang untuk membantu menjayakan gotong-royong ibadah korban di masjid berhampiran," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Nordin Ahmad, berkata pihaknya akan bermesyuarat dengan pihak bertanggungjawab

bagi mencari penyelesaian terbaik masalah terbabit.

"Mesyuarat ini akan diadakan untuk mendesak pihak berkenaan mempercepatkan kerja pelepasan saliran air kerana difahamkan pelan bagi projek berkenaan sudah lama disediakan," katanya.

Hujan enam jam

Hujan berterusan selama enam jam sejak awal pagi semalam menyebabkan beberapa kawasan di



Pulau Pinang dilanda banjir kilat dan banjir lumpur.

Antara kawasan terjejas ialah Jalan Bayan Lepas ke Teluk Kumbar, Batu Maung, Bukit Gambir, Bayan Lepas, Paya Terubong, Air Itam dan beberapa jalan perbandaran di Georgetown.

Banjir turut menyebabkan pengguna jalan raya yang mahu ke tempat kerja terperangkap dalam kesesakan lalu lintas luar biasa.

Kakitangan swasta, Azizah Ismail, 29, berkata beliau terperangkap dalam kesesakan lalu lintas hampir dua jam untuk ke tempat kerjanya di Bayan Lepas, di sini.

"Saya rasa ini adalah banjir kilat yang paling teruk kerana ia turut disertai lumpur. Ini semua berpunca daripada projek pembinaan di kawasan sekitar," katanya yang tinggal di Balik Pulau, di sini.